

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan umlah peminjam bank yang menerima moratorium bagi pinjaman mereka, jumlah amaun terlibat setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah memberikan kemudahan moratorium secara menyeluruh ke atas pinjaman bank sebagai sebahagian daripada langkah bantuan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN), PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH untuk membantu meringankan beban kewangan rakyat dan perniagaan yang terkesan dengan krisis pandemik COVID-19.
2. Sehingga 10 September 2021, nilai pinjaman terkumpul yang menerima bantuan moratorium dianggar berjumlah 469.4 bilion ringgit, dengan 105.9 bilion ringgit kepada PKS dan 363.5 bilion ringgit kepada peminjam individu. Seramai 2.7 juta peminjam telah menikmati kemudahan ini, yang terdiri daripada 2.6 juta peminjam individu dan 86,000 PKS.

3. Setakat Julai 2021, kadar kelulusan bantuan moratorium berkenaan kepada peminjam adalah sebanyak 99 peratus. Peminjam hanya perlu menghubungi bank masing-masing untuk membuat permohonan bantuan bayaran balik pinjaman dan kelulusan akan diberikan secara automatik kepada peminjam yang layak tanpa perlu mengemukakan bukti kelayakan atau dokumen sokongan.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Bagi semua pinjaman yang mendapat bantuan moratorium, pihak bank telah bersetuju untuk tidak mengkompaun faedah, iaitu tidak mengenakan faedah atas faedah, atau mengenakan faedah penalti dalam tempoh moratorium selama 6 bulan bagi semua produk pinjaman.

5. Dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman, Kerajaan juga ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas. Permohonan masih dibuka kepada peminjam yang memerlukan dan mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

6. Bagi peminjam yang menghadapi situasi yang lebih mencabar atau mereka yang mempunyai pinjaman di beberapa bank, mereka boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (atau AKPK) bagi mendapatkan khidmat nasihat mengenai bayaran balik pinjaman.

7. Sekiranya peminjam menghadapi kesukaran semasa berurusan dengan pihak bank atau permohonan bantuan bayaran balik pinjaman ditolak, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia secara terus melalui BNM TELELINK. Sebagai makluman, jumlah aduan yang diterima melalui BNM TELELINK adalah pada kadar yang agak antara bulan Jun hingga Ogos 2021, iaitu 0.46 peratus daripada jumlah permohonan yang diluluskan.

Sekian, terima kasih.